

**Panel Timbangtara Ditubuh Bagi Selesai Masalah Asrama Unisel - Khalid Ibrahim Bernama
8 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 8 Ogos (Bernama) -- Sebuah panel timbangtara diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Datuk Muhammad Khusrin Munawi telah dibentuk bagi menyelesaikan masalah antara Universiti Selangor (Unisel) dengan syarikat pengurusan asrama universiti itu, Jana Niaga Sdn Bhd.

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata panel itu akan mendengar pandangan kedua-dua pihak bagi menyelesaikan masalah penempatan para pelajar Unisel di asrama Kampus Bestari Jaya berikutan masalah hutang Unisel dengan syarikat itu.

Selain itu, pihak Jana Niaga juga mempunyai isu yang perlu diselesaikan dengan Unisel, kata Abdul Khalid.

Asrama yang dibina oleh syarikat itu secara build-operate-transfer (BOT) didapati tidak lengkap, dan salah satu bangunan asrama itu tidak mempunyai CF (sijil layak menduduki), kata Menteri Besar kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri di sini Rabu.

"Oleh itu, Unisel menahan pembayaran kos pembinaan bangunan itu kerana masalah CF itu, dan cuma membayar sewa untuk menduduki bangunan itu kepada Jana Niaga," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686650>